

## LC peneraju inisiatif DRRP

LABUAN: Pihak berkuasa Perbadanan Labuan (LC) akan bertindak sebagai agensi peneraju untuk menyelaras inisiatif Program Pengurangan Risiko Daerah (DRRP) Covid-19 di pulau bebas cukai itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Fary Akmal Osman berkata agensi yang menjalin kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Labuan akan dibantu oleh jabatan kerajaan berkaitan.

"Bagi pihak kami (LC), kami akan mengaktifkan jentera pelbagai unit kesihatan kami, penguatkuasaan, Majlis Perwakilan Penduduk dan Majlis Pengurusan Masyarakat Desa," katanya pada sidang akhbar sebelum menyerahkan bantuan tunai kepada mangsa kebakaran Kampung Lajau dan Taman Mutiara di Wisma Perbadanan Labuan pada Isnin.

Beliau berkata program itu, yang sedang digerakkan, adalah penting dalam memastikan Labuan mengekalkan statusnya sebagai zon hijau bagi penularan Covid-19. - Bernama